



JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

GARIS PANDUAN

KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

Versi 2024

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel: 03 – 8870 6958 / 6963 / 6967
No. Faks: 03 – 8870 6867

KANDUNGAN
GARIS PANDUAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

PERKARA	MUKA SURAT
VISI DAN MISI	3
BAHAGIAN 1 – PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	4
1.2 Tujuan	4
1.3 Definisi	4
1.4 Struktur Organisasi	4
1.5 Penyelidikan Bidang Nic	5-6
BAHAGIAN 2 – PERMOHONAN	
2.1 Syarat Am Permohonan	7
2.2 Tempoh Penyelidikan	8
2.3 Siling Peruntukan	8
2.4 Hasil Penyelidikan	8-9
2.5 Tarikh Pembukaan Permohonan	10
2.6 Peraturan Permohonan	11
BAHAGIAN 3 – PENILAIAN	
3.1 Penilaian Permohonan	12
3.2 Kriteria Penilaian	13-14
BAHAGIAN 4 – PEMANTAUAN	
4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	15
BAHAGIAN 5 – PERATURAN KEWANGAN	
5.1 Pecahan Perbelanjaan	16-17
5.2 Kod Perbelanjaan	17-19
5.3 Penggunaan Peruntukan	20
BAHAGIAN 6 – KEPUTUSAN	
6.1 Makluman Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	21
6.2 Surat Kelulusan Penubuhan dan Terma Rujukan	21
BAHAGIAN 7 – SOALAN LAZIM	
7.1 Permohonan Penubuhan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan	22-23
7.2 Pelaksanaan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan	24
CARTA ALIR	25

VISI DAN MISI

KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

VISI

Menjadikan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan sebagai Pakar Rujuk (*Referral Point*) dalam bidang tujuan berfokus di peringkat serantau dan antarabangsa.

MISI

Menjalankan kegiatan/ aktiviti penyelidikan dalam bidang tujuan berfokus bagi memenuhi kepentingan kepada kerajaan, akademik, industri, masyarakat dan persekitaran.

BAHAGIAN 1 – PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Dokumen Garis Panduan Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

1.2 TUJUAN


Tujuan utama penubuhan KKP adalah untuk **memantapkan lagi kerjasama di antara kumpulan penyelidik** dalam aktiviti penyelidikan dalam bidang nic melalui penjanaan teori, idea baharu dan penciptaan yang inovatif serta terkehadapan dalam bidang-bidang strategik demi perkembangan sempadan ilmu. KKP juga adalah salah satu platform untuk menggalakkan Pusat Kecemerlangan (CoE) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) ke arah penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) dan seterusnya menjadi pakar rujuk (*referral point*) dalam bidang nic berfokus.

1.3 DEFINISI

KKP adalah **gabungan sekurang-kurangnya tiga (3) kumpulan penyelidik** dari CoE dengan CoE/ Kumpulan Penyelidik lain (berbeza IPT) yang sama kepakarannya bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dalam bidang nic berfokus.

1.4 STRUKTUR ORGANISASI

Sesebuah KKP memerlukan seorang ketua (penyelidik) daripada salah satu CoE di dalam KKP dan sekurang-kurangnya dua (2) CoE/ Kumpulan Penyelidik daripada IPT yang berbeza (penubuhan CoE sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan disahkan oleh Senat, penubuhan kumpulan penyelidik disokong oleh RMC serta mempunyai penyelidikan dalam bidang nic yang sama kepakarannya). **Keahlian di bawah KKP haruslah mempunyai sekurang-kurangnya sembilan (9) orang penyelidik** di mana CoE dan kumpulan penyelidikan (berbeza IPT) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penyelidik di bawahnya. Struktur organisasi KKP adalah seperti di **Rajah 1**.



Rajah 1: Struktur Organisasi Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan

KPT menggalakkan agar Ketua KKP mempunyai rekod prestasi penyelidikan yang cemerlang agar kerjasama sinergi di antara keahlian KKP akan memberi impak dalam menghasilkan kerangka kerja untuk penyelesaian kepada masalah nasional negara pada masa akan datang. Oleh yang demikian, perincian berkaitan penerimaan geran penyelidikan dan penghasilan penerbitan daripada Ketua KKP perlu dinyatakan di dalam permohonan KKP. Keahlian KKP pula hendaklah menjadi ketua atau ahli kepada projek penyelidikan yang masih aktif di dalam bidang nic KKP yang dimohon. KKP ini tidak terbuka kepada entiti bukan universiti.

1.5 PENYELIDIKAN BIDANG NIC

Antara **dua puluh enam (26) bidang nic** yang dikenal pasti oleh KPT serta berkait rapat dengan masyarakat adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Nic
1.	Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi
2.	Perundangan Berkaitan Rasuah
3.	Ketersediaan Bakat Masa Hadapan
4.	Industri HGV Nadir Bumi
5.	Subsidi Bersasar
6.	Pembudayaan Masyarakat MADANI
7.	Reformasi Perlindungan Sosial <i>Rich-Poor Gap: Cost- of-Living-Crisis</i>
8.	Perumahan untuk Rakyat
9.	Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara
10.	HGV Pertanian dan Industri Asas Tani

11.	Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga
12.	Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital
13.	Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan
14.	Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam
15.	Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan
16.	Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi
17.	Pemerkasaan PMKS dan Perusahaan Sosial
18.	Air/ <i>Water</i> <i>Clean water and sanitization</i>
19.	Biodiversiti/ <i>Biodiversity</i>
20.	Pendidikan Berkualiti/ <i>Quality Education</i> <i>Equity in education, Inclusivity, Special needs education, religious education - tuntutan atau ideologi, TVET & STEM</i> <i>STEM/STEAM/STREAM - self-paced inquiry-based learning (developing creativity, critical thinking, human relations, social-emotional abilities, self-employment, ethics, and values)</i>
21.	Budaya dan Industri Kreatif/ <i>Creative Culture and Industry</i>
22.	Persekutaran dan Perubahan Iklim/ <i>Environment and Climate Change</i> <i>Carbon Taxes, Innovative tree planting, seawater/saltwater agriculture, democratize biodegradable, zero microplastic</i>
23.	Makanan/ <i>Food</i> <i>Food safety and security</i>
24.	Keselamatan Siber/ <i>Cyber Security</i> <i>Global Governance and Ethics for AI (ANI, AGI and ASI)</i>
25.	Teknologi dan Sistem Pintar/ <i>Smart Technology and System</i>
26.	Pengetahuan dan Penemuan Sains Terkehadapan/ <i>Knowledge and Discovery of Frontiers</i>

BAHAGIAN 2 – PERMOHONAN

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

KPT menawarkan geran ini kepada semua penyelidik dari CoE dan Kumpulan Penyelidik di IPT bagi melaksanakan penyelidikan bidang nic yang telah dikenal pasti serta memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Semua penyelidik (ketua dan keahlian KKP) **mestilah** bertaraf tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah);
- (b) KKP mestilah **diketuai oleh seorang penyelidik dari CoE di IPT** dan sekurang-kurangnya dua (2) kumpulan penyelidik (sama ada dari CoE dan/ atau Kumpulan Penyelidik) berbeza IPT dari Ketua KKP dan ahli lain;
- (c) Kakitangan akademik yang **bercuti belajar dan cuti sabatikal** (luar dan dalam negara yang melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua KKP tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut;
- (d) **Ketua KKP mestilah mempunyai geran penyelidikan selain geran universiti yang masih aktif** dan berkaitan penyelidikan dalam bidang nic KKP serta menjadi **penyelidik utama** untuk geran tersebut;
- (e) **Ahli-ahli KKP** hendaklah menjadi ketua/ ahli kepada projek penyelidikan yang masih aktif dalam bidang nic KKP yang dimohon;
- (f) Permohonan untuk geran ini dibuka kepada projek penyelidikan yang **menepati tema dan penyelidikan bidang nic** yang telah ditetapkan oleh KPT;
- (g) CoE dan kumpulan penyelidik **dibenarkan untuk menganggotai hanya satu (1) KKP sahaja di mana** hanya satu (1) permohonan KKP sahaja akan diperakukuan oleh KPT; dan
- (h) Tujuan utama penubuhan KKP adalah untuk berkerjasama dengan penyelidik lain bagi menjalankan aktiviti penyelidikan bidang nic. Oleh yang demikian, hanya **satu (1) kertas cadangan penuh KKP sahaja** dikemukakan kepada KPT.

2.2 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **24 bulan**.

2.3 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah **tidak melebihi siling yang ditetapkan iaitu RM1,000,000** di mana peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada KPT. Walau bagaimanapun, siling ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dan mencukupi. Pihak KPT berhak untuk mengurang atau menambah jumlah peruntukan dana ini selaras dengan perincian yang dikemukakan oleh KKP.

2.4 HASIL PENYELIDIKAN

(a) Bakat

Setiap program penyelidikan yang dimohon mestilah menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Program KKP disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya **seorang pelajar PhD dan dua (2) pelajar Sarjana berdaftar (enrolled)** dalam tempoh pembiayaan 2 tahun dengan siling elauan bagi pelajar PhD RM3,000 dan pelajar Sarjana RM2,300 berserta mod penyelidikan sepenuh masa yang berpadanan dengan skop penyelidikan dalam tempoh pelaksanaan KKP.

(b) Penerbitan

Setiap hasil kajian penyelidikan akan diterjemahkan melalui penerbitan. Justeru, setiap KKP hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya **dua (2) penerbitan di dalam Q1/Q2 atau empat (4) penerbitan di dalam Jurnal Citation Report (JCR)** seperti yang dinyatakan dalam kertas cadangan KKP (jurnal yang ternama dalam bidang nic). Penerbitan dalam bentuk artikel review tidak diambil kira dan penerbitan perlu melibatkan afiliasi antara induk dan satelit dalam tempoh pelaksanaan KKP di mana penerbitan mestilah berpadanan dengan skop penyelidikan. **Penghargaan dan afiliasi kepada geran KKP mestilah dinyatakan dengan jelas** dalam setiap penerbitan yang dihasilkan oleh KKP.

(c) Jaringan Kolaborasi

Setiap KKP perlu mempunyai sekurang-kurangnya **satu (1) jaringan kolaborasi yang aktif dalam bentuk Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Institut Penyelidikan (PI) atau Industri** dalam tempoh pelaksanaan KKP. Contoh jaringan kolaborasi yang diambil kira adalah seperti penerimaan geran penyelidikan bersama dan projek R&D&C bersama.

KKP mestilah mendapatkan geran padanan bersama hasil dari jaringan yang telah dijalankan (nilai geran padanan minimum adalah sekurang-kurangnya RM50,000) atau penerbitan bersama dengan jaringan dalam jurnal 10% teratas.

(d) Latihan

Hasil daripada latihan mesti di dalam bentuk laporan yang menyatakan teknologi/ kepakaran yang dibawa kepada KKP Induk atau Satelit. Selain daripada laporan, KKP Induk mesti menganjurkan sesi perkongsian ilmu atau teknologi/ akreditasi/ pensijilan baharu dalam bidang nic melalui wacana ilmu. Laporan perlu dikemukakan untuk proses wacana ilmu tersebut.

Serahan Hasil Penyelidikan (*Research Deliverables*)

- (a) Setiap KKP yang ditubuhkan mempunyai kepakaran penyelidikan dalam bidang nic masing-masing. Justeru, **ketersediaan sesebuah KKP** di dalam membantu kerajaan bagi perkara berkaitan polisi/ dasar yang fokus kepada penyelidikan dalam bidang nic masing-masing adalah penting.
- (b) Penyelidikan yang dilaksanakan digalakkan menghasilkan serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*) yang berpotensi untuk diterjemahkan dan dimanfaatkan seperti **kerangka kerja untuk penyelesaian kepada masalah nasional negara** pada masa akan datang (seperti di dalam kertas cadangan penuh KKP).

- (c) Kerangka kerja tersebut disarankan mengandungi *quick wins*, jangka pendek dan jangka panjang yang memanfaatkan kerajaan dan rakyat yang meliputi aspek:
- i. Keberkesanan polisi sedia ada;
 - ii. Cadangan kepada penambahbaikan polisi/ dasar;
 - iii. Kerangka Hala Tuju dan/ atau Garis Panduan Baharu; dan
 - iv. Lain-lain Kerangka Kertas Polisi/ Dasar.

2.5 TARIKH PEMBUKAAN PERMOHONAN

Permohonan geran KKP akan dimaklumkan **secara hebatan** melalui surat rasmi KPT kepada semua IPT serta di dalam laman sesawang KPT.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

Setiap IPT yang ingin memohon Geran KKP haruslah memenuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh KPT seperti berikut:

- (a) Kertas Cadangan Penuh KKP (Borang A dan B) perlu **disaring di peringkat IPT** oleh sekurang-kurangnya seorang **panel berjawatan Profesor di dalam bidang kepakaran berkaitan**. Ulasan panel berserta bukti tindakan penambahbaikan yang telah diambil perlu disertakan di dalam permohonan KKP;
- (b) Keahlian yang menyertai KKP mestilah mendapatkan **persetujuan secara bertulis** daripada Pengarah RMC di IPT masing-masing. Dokumen persetujuan tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua KKP untuk disokong oleh Pengarah RMC dan mendapat perakuan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) bagi institusi Ketua KKP;
- (c) Permohonan mestilah **mengikut format** yang ditetapkan oleh KPT seperti Borang Permohonan yang dilampirkan;
- (d) Pihak RMC dan TNCPI bagi institusi Ketua KKP perlu memainkan peranan penting untuk **memastikan hanya kertas cadangan terbaik** yang terpilih dan dihantar ke KPT. Pihak TNCPI dan RMC juga perlu memastikan setiap CoE/Kumpulan Penyelidik hanya dibenarkan untuk menjadi keahlian kepada satu KKP (Induk/ Satelit) sahaja dalam satu tempoh masa tertentu. Selaras dengan itu, RMC bagi institusi Ketua KKP hendaklah mempunyai **hanya satu Senarai Induk/ Masterlist** sahaja yang menyatakan butiran permohonan KKP seperti yang disediakan oleh KPT; dan
- (e) *Softcopy* borang permohonan KKP berserta dokumentasi berkaitan haruslah dikemukakan kepada urus setia secara serahan tangan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup permohonan**. Sebarang kelewatan berkaitan penghantaran dokumen permohonan akan menyebabkan permohonan tidak dipertimbangkan untuk proses selanjutnya.

BAHAGIAN 3 - PENILAIAN

3.1 PENILAIAN PERMOHONAN

- (a) Permohonan KKP yang telah dinilai dan disenarai pendek akan dipelawa untuk membuat pembentangan Kertas Cadangan Penuh KKP kepada panel yang dilantik oleh KPT mengikut bidang nic yang telah ditetapkan. Maklumat yang diperlukan semasa pembentangan Kertas Cadangan Penuh KKP adalah seperti berikut:
- i. Keutamaan kepada penyelesaian isu-isu negara semasa;
 - ii. Hubung kait kerjasama penyelidikan dalam KKP;
 - iii. Keupayaan kerangka polisi yang akan dihasilkan oleh KKP;
 - iv. Penglibatan pemegang taruh (masyarakat, industri, universiti, agensi) dalam pelaksanaan projek.
 - v. Impak hasil penyelidikan (bakat, penerbitan, jaringan kolaborasi, latihan) kepada kerajaan, akademik, industri, masyarakat dan persekitaran; penerangan laluan ke arah impak hasil penyelidikan yang diunjurkan bagi kumpulan sasaran perlu dijelaskan;
 - vi. Perancangan dan kelestarian kerjasama yang telah dibina oleh KKP selepas tamat tempoh projek;
 - vii. Menunjukkan sejarah sinergi bersama antara KKP Induk dan Satelit; dan
 - viii. Ketersediaan KKP untuk memohon penarafan HICoE pada masa hadapan.
- (b) Penilaian akan diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang panel lain yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing dan **keputusan penilaian adalah muktamad**.
- (c) Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan KKP.
- (d) Penilaian seterusnya adalah dalam Jawatankuasa di peringkat KPT di mana Jawatankuasa ini berhak untuk menolak atau menambah sebarang klausa kepada pelantikan dan penubuhan sesebuah KKP.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

Setiap KKP haruslah memenuhi kriteria penilaian yang telah ditetapkan oleh KPT seperti berikut:

- (a) Skop penyelidikan KKP yang dilaksanakan haruslah berfokus kepada **dua puluh enam (26) bidang nic** seperti berikut:

Bil.	Bidang Nic
1.	Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi
2.	Perundangan Berkaitan Rasuah
3.	Ketersediaan Bakat Masa Hadapan
4.	Industri HGHV Nadir Bumi
5.	Subsidi Bersasar
6.	Pembudayaan Masyarakat MADANI
7.	Reformasi Perlindungan Sosial <i>Rich-Poor Gap: Cost- of-Living-Crisis</i>
8.	Perumahan untuk Rakyat
9.	Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara
10.	HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani
11.	Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga
12.	Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital
13.	Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan
14.	Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam
15.	Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan
16.	Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi
17.	Pemerkasaan PMKS dan Perusahaan Sosial
18.	Air <i>Clean water and sanitization</i>
19.	Biodiversiti <i>Biodiversity</i>
20.	Pendidikan Berkualiti <i>Quality Education, Equity in education, Inclusivity, Special needs education, religious education - tuntutan atau ideologi, TVET & STEM STEM/STEAM/STREAM - self-paced inquiry-based learning (developing creativity, critical thinking, human relations, social-emotional abilities, self-employment, ethics, and values)</i>
21.	Budaya dan Industri Kreatif <i>Creative Culture and Industry</i>

22.	Persekutuan dan Perubahan Iklim <i>Environment and Climate Change</i> Carbon Taxes, Innovative tree planting, seawater/saltwater agriculture, democratize biodegradable, zero microplastic
23.	Makanan <i>Food safety and security</i>
24.	Keselamatan Siber <i>Cyber Security, Global Governance and Ethics for AI (ANI, AGI and ASI)</i>
25.	Teknologi dan Sistem Pintar <i>Smart Technology and System</i>
26.	Pengetahuan dan Penemuan Sains Terkehadapan <i>Knowledge and Discovery of Frontiers</i>

Bidang nic KKP yang ditawarkan bergantung kepada keputusan Jawatankuasa di peringkat KPT.

- (b) KKP dijangka dapat membantu kerajaan dalam menangani masalah dan isu semasa negara melalui **kerangka kerja yang mempunyai cadangan penambahbaikan** kepada polisi dan dasar sedia ada atau kerangka hala tuju dan/ atau garis panduan baharu terhadap kesan-kesan kepada bidang nic yang dibuat.
- (c) Kertas cadangan penuh KKP hendaklah disediakan mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh KPT seperti di **Borang A** dan **Borang B**.

BAHAGIAN 4 – PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

- (a) Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan bermula daripada tarikh yang ditetapkan oleh KPT. Projek penyelidikan **perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penuh KKP yang telah diluluskan**. IPT dan penyelidik perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan KKP serta lain-lain ketetapan daripada KPT.
- (b) IPT dan penyelidik juga perlu memastikan **sebarang perubahan** terhadap kertas cadangan penuh KKP mematuhi garis panduan dan tadbir urus yang telah ditetapkan oleh KPT.
- (c) Ketua KKP disarankan untuk membuat **ikatan perjanjian (MoA) di antara keahlian** agar pelaksanaan KKP mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KPT. KKP akan diberikan tempoh masa sehingga satu (1) tahun untuk menandatangani MoA di antara KKP (Induk dan Satelit). Sekiranya gagal dipatuhi, tindakan penarikan semula status akan dibuat oleh KPT.
- (d) KKP perlu mencapai sekurang-kurangnya 2/3 KPI yang disasarkan dalam tempoh dua (2) tahun semasa pemantauan tahunan.
- (e) KKP Induk perlu mengemukakan Laporan Naratif, Laporan Kewangan berserta Instrumen Pematuhan KKP.
- (f) Penambahan ahli kepada KKP Induk dan Satelit sedia ada hanya memerlukan kelulusan di peringkat RMC sahaja dan surat pemakluman penambahan perlu dikemukakan kepada KPT. Penambahan Satelit Baharu pula perlu membuat permohonan yang lengkap berserta justifikasi dan dikemukakan sekurang-kurangnya sebulan sebelum pelaksanaannya untuk mendapatkan pertimbangan serta kelulusan di peringkat KPT melalui RMC KKP Induk.

BAHAGIAN 5 – PERATURAN KEWANGAN

5.1 PECAHAN PERBELANJAAN

Jumlah peruntukan KKP yang dimohon hendaklah tidak melebihi siling yang ditetapkan iaitu RM1,000,000. Peruntukan kewangan tersebut akan membiayai perbelanjaan KKP dalam menjana aktiviti akademik, penyelidikan dan pembelajaran yang berkualiti tinggi, membiayai belanja harian kegiatan penyelidikan termasuklah latihan, perkhidmatan khusus penyelidikan, pengantarabangsaan dan sebagainya. Bagi mencapai sasaran KKP melalui perbelanjaan yang seimbang, saranan pecahan perbelanjaan peruntukan geran KKP adalah seperti berikut:

BIL.	KOMPONEN	PERATUSAN (%)
1.	Aktiviti Penyelidikan	80
2.	Jaringan dan Kolaborasi	10
3.	Latihan Jangka Pendek Penyelidik KKP	10
Jumlah		100

Komponen Aktiviti Penyelidikan

Merangkumi perbelanjaan bagi aktiviti penyelidikan dan inovasi, penyediaan perkhidmatan dan penjanaan pendapatan. Di antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah seperti elauan bagi Pembantu Penyelidik, perjalanan dan pengangkutan bagi menghadiri persidangan, sewaan, baik pulih kecil, pengubahsuaian, perkhidmatan ikhtisas, aksesori, peralatan dan lain-lain yang berkaitan. KKP dibenarkan untuk memperuntukkan 10% dari jumlah perbelanjaan komponen aktiviti penyelidikan untuk membiayai kos menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan. Bayaran yuran keahlian dan perkhidmatan profesional seperti *artikel processing charge* (APC) adalah tidak dibenarkan.

Komponen Jaringan dan Kolaborasi

Adalah bagi tujuan membina jaringan dan kolaborasi bersama institusi/ agensi/ industri yang relevan dan bersesuaian dengan penyelidikan bidang nic KKP seperti lawatan teknikal penyelidikan. Penggunaan komponen ini juga adalah dibenarkan untuk perbelanjaan bagi tujuan mendapatkan geran padanan daripada agensi/ institut/ industri yang berjumlah RM50,000 (minimum). Cadangan jaringan perlu dinyatakan dalam kertas cadangan. Sebarang pertukaran perlu mendapatkan kelulusan JPT, KPT. Komponen jaringan dan kolaborasi adalah di bawah kawalan KKP Induk.

Komponen Latihan Jangka Pendek Penyelidik

Merangkumi latihan profesional yang diberikan kepada penyelidik KKP yang berkaitan dalam bidang nic KKP tersebut. Sangkutan makmal juga adalah dibenarkan di peringkat serantau dan antarabangsa. Penganjuran seminar/ persidangan/ bengkel tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran KKP. Komponen latihan adalah di bawah kawalan KKP Induk.

Ketua KKP bertanggungjawab sepenuhnya kepada pengurusan kewangan dan pengurusan aset KKP. Agihan kewangan kepada CoE dan/ atau kumpulan penyelidik hendaklah dipersetujui bersama di peringkat pengurusan KKP di mana perancangannya perlu dinyatakan di dalam Kertas Cadangan Penuh KKP. Setiap prosedur kewangan dan perolehan hendaklah mengikut pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan IPT masing-masing. Sekiranya bercanggah, KKP perlulah mematuhi pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

KKP adalah dibenarkan untuk mengubah cadangan pecahan tertakluk kepada kelulusan KPT sekiranya terdapat pecahan lain yang dirasakan sesuai dengan perancangan sesebuah KKP.

5.2 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan Geran bagi KKP adalah dibenarkan untuk perbelanjaan, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

(a) Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik (RA)

- i. Upah dan elaun untuk membayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) tempatan bagi mod penyelidikan sepenuh masa. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM3,000 untuk pelajar PhD dan RM2,300 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT;
- ii. Elaun bagi Pembantu Penyelidik atau (*Research Assistant – RA*) yang bukan berstatus pelajar mestilah tidak melebihi siling peruntukan RM2,000/ bulan dalam tempoh penyelidikan (sekiranya output bakat yang ditetapkan adalah RA); dan

- iii. KKP boleh melantik seorang RA sahaja sebagai penyelidik dalam membantu proses menghasilkan reka bentuk kerangka berkaitan bidang nic penyelidikan. Namun pelantikan RA tersebut hendaklah dibuat dengan mengikut proses dan tatacara yang betul mengikut peraturan di IPT masing-masing.

(b) Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- ii. Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi;
- iii. Bagi perjalanan ke luar negara, penyelidik di KKP hendaklah mendapat kelulusan daripada RMC IPT tertakluk kepada dasar dan tatacara IPT yang sedang berkuatkuasa. Kelulusan keluar negara tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Ketua KPP bagi tujuan pemakluman dan dokumentasi semasa pemantauan; dan
- iv. Tertakluk kepada dasar semasa kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

(c) Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

(d) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan; dan
- ii. Perbelanjaan adalah tidak tertakluk kepada pembelian komputer atau peralatan.

(e) Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubah Suai

- i. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan aktiviti teras dibenarkan; dan
- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

(f) Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- i. Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain- lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan; dan
- ii. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (satu (1) kali sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

(g) Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan aktiviti teras Konsortium Penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga tertakluk kepada prosedur dan tatacara kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa. Had siling adalah 20% daripada had siling peruntukan geran KKP.

5.3 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- (a) Penyelidik adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang **tidak berkaitan secara langsung** dengan KKP seperti:
- i. Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
 - ii. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/ komputer riba/ mesin pencetak/ katrij dan seumpamanya);
 - iii. Pembayaran bil utiliti/ telekomunikasi;
 - iv. Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/ kertas/ meja/ kerusi dan seumpamanya);
 - v. Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk/ pendrive/ CD dan seumpamanya);
 - vi. Pembayaran sewaan ruang/ fasiliti di Institusi masing-masing;
 - vii. Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya; dan
 - viii. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- (b) Penggunaan peruntukan geran KKP bagi **caj pengurusan/ pentadbiran** adalah **tidak dibenarkan**.

BAHAGIAN 6 – KEPUTUSAN

6.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- (a) **Surat kelulusan penubuhan KKP** akan dimaklumkan kepada Naib Canselor dan disalinkan kepada Pengarah RMC institusi bagi Ketua KKP.
- (b) **Penyaluran dana** akan dibuat oleh KPT kepada Bendahari institusi bagi Ketua KKP berdasarkan jumlah peruntukan yang diperakurkan oleh Jawatankuasa di peringkat KPT. Ketua KKP bertanggungjawab untuk menyalurkan dana KKP kepada keahlian KKP. Agihan kewangan kepada kepada keahlian KKP (selepas KKP diluluskan oleh KPT) adalah berdasarkan permohonan di dalam Kertas Candangan Penuh KKP atau persetujuan bersama di antara KKP Induk dan Satelit.
- (c) Keputusan Jawatankuasa di peringkat KPT adalah **muktamad**.

6.2 SURAT KELULUSAN PENUBUHAN KKP DAN TERMA RUJUKAN

(a) Surat Kelulusan KKP

- i. KPT akan mengeluarkan surat kelulusan kepada mana-mana KKP yang berjaya berserta kertas cadangan penuh yang terkini dan merangkumi KPI dan perincian dana bagi aktiviti penyelidikan.
- ii. Surat kelulusan akan disertakan bersama Garis Panduan KKP bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan sebagainya. Kegagalan mematuhi terma dalam Garis Panduan KKP dan surat kelulusan KKP akan menyebabkan KPT mengambil tindakan sama ada menamatkan penubuhan atau menyekat dana peruntukan yang telah disalurkan kepada KKP.

BAHAGIAN 7 – SOALAN LAZIM (FAQ)

7.1 PERMOHONAN PENUBUHAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKKAN (KKP)

(a) Apakah itu Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)?

KKP adalah sebuah konsortium yang menggabungkan sekurang-kurangnya sembilan (9) orang penyelidik daripada tiga (3) entiti berbeza IPT yang sama kepadaranya untuk pelaksanaan penyelidikan berfokus bagi menghasilkan satu kertas kerja/ polisi kepada agensi/ insitusi.

(b) Siapakah yang dibenarkan untuk menganggotai KKP?

Sekurang-kurangnya tiga (3) orang penyelidik dari Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ kumpulan penyelidik dibenarkan untuk menganggotai KKP di mana satu (1) KKP Induk adalah daripada PTJ dan dua (2) KKP Satelit adalah daripada PTJ/ kumpulan penyelidik dari IPT yang berbeza.

(c) KPI Modal Insan bagi tempoh dua (2) tahun bagi pelaksanaan KKP adalah seorang PhD dan dua (2) orang MSc. Bagaimana untuk mencapai KPI tersebut kerana PhD diperolehi sekurang-kurangnya dua (2) tahun?

KPI KKP yang telah ditetapkan adalah bilangan pelajar PhD dan MSc yang berdaftar dan bukannya bergraduat.

(d) Adakah pemastautin tetap (PR) dibenarkan memohon KKP sama ada Ketua/ Satelit?

Pemastautin tetap adalah dibenarkan memohon KKP Induk dan Satelit tetapi perlu ada warganegara Malaysia sebagai pengganti ketua.

(e) Adakah Ketua KKP (KKP Induk) bertanggungjawab untuk menyelia/memantau Geran KKP termasuk yang telah disalurkan kepada KKP Satelit?

Ya dan tertakluk kepada kelulusan Kertas Cadangan Penuh KKP serta MoA yang telah ditandatangani di antara KKP Induk dan Satelit.

- (f) **Apakah kriteria syarikat yang dibenarkan untuk menjalankan kolaborasi dengan KKP?**

Syarikat yang berasaskan teknologi/ bidang fokus KKP tersebut dan Ketua/ Ahli KKP tidak mempunyai kepentingan di dalam syarikat tersebut.

- (g) **Adakah jaringan kolaborasi dengan industri memerlukan MoA ?**

Ya, jaringan kolaborasi dengan industri memerlukan MoA yang aktif dan dalam bentuk dokumen yang formal.

- (h) **Adakah KKP dibenarkan untuk dilanjutkan melebihi dua (2) tahun?**

Tidak dibenarkan.

- (i) **Adakah Ketua KKP dibenarkan untuk menambah keahlian di dalam KKP Induk/ Satelit?**

Penambahan keahlian adalah dibenarkan dengan kelulusan RMC KKP Induk dan perlu memaklumkannya kepada KPT.

- (j) **Siapakah yang akan menyediakan MoA di antara KKP Induk dan Satelit?**

MoA perlu disedia dan diselaraskan oleh KKP Induk.

- (k) **Adakah virement perbelanjaan Geran KKP dibenarkan dalam tempoh dua (2) tahun pelaksaaan KKP?**

Virement perbelanjaan Geran KKP hanya dibenarkan untuk komponen penyelidikan dengan kelulusan KPT.

- (l) **Adakah Universiti Swasta/ Universiti Cawangan dibenarkan untuk menjadi Ketua KKP?**

Ya.

- (m) **Adakah setiap CoE/ Kumpulan Penyelidik dalam sesebuah KKP dibenarkan untuk memohon beberapa KKP?**

Tidak dibenarkan. CoE/ Kumpulan Penyelidik hanya boleh memohon satu (1) KKP sahaja dalam tempoh pelaksanaannya. Surat makluman keputusan perlu dihantar kepada KKP Induk dan Satelit sekali. (TNC PI)

7.2 PELAKSANAAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (KKP)


- (a) Berapakah tempoh yang diberikan kepada KKP untuk menandatangani MoA di antara KKP Induk dan Satelit?**

Ketua KKP akan diberikan tempoh masa sehingga satu (1) tahun untuk menandatagani MoA di antara KKP (Induk dan Satelit). Sekiranya gagal dipatuhi, tindakan penarikan semula status akan dibuat oleh KPT.

- (b) Adakah Dana Penyelidikan KKP perlu diagihkan keseluruhannya kepada KKP satelit?**

Agihan kewangan kepada kepada keahlian KKP (selepas KKP diluluskan oleh KPT) adalah berdasarkan permohonan di dalam Kertas Cadangan Penuh KKP atau persetujuan bersama di antara KKP Induk dan Satelit.

CARTA ALIR



Rajah 2 : Carta Alir Permohonan Projek Penyelidikan

**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**